

11 MAR 1997

Mahathir-Sosial

KAJI MASALAH DAN SELARASKAN TINDAKAN

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta semua pemimpin Barisan Nasional (BN) mengkaji dengan mendalam masalah sosial yang dihadapi sekarang dan tidak tergesa-gesa membuat pengumuman mengenai tindakan dalam perkara itu.

Perdana Menteri berkata sebarang tindakan yang diambil mestilah selaras dan bercorak universal serta mendapat persetujuan semua pihak supaya pertentangan pendapat mengenai tindakan itu dapat dikurangkan.

Katanya mereka hendaklah mengambil tindakan yang berkesan dengan pemikiran yang waras dan rasional untuk mengurangkan masalah sosial itu yang semakin serius melanda masyarakat negara ini.

"Sebagai anggota BN, kita harus ingat kita dari parti kerajaan dan pengaruh kita jauh lebih besar daripada pengaruh parti lain, sebab itu kita perlu faham masalah ini.

"Sama ada kita menjadi anggota kerajaan atau tidak, ada peranan yang boleh kita mainkan sebagai pemimpin tetapi yang pentingnya ialah BN mestilah mempunyai pendirian yang sama antara satu sama lain," katanya semasa memberi Taklimat Perdana mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Masalah Sosial di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Majlis itu turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN), menteri-menteri Kabinet dan timbalan-timbalan Menteri.

Kira-kira 1,000 orang termasuk anggota Parlimen dan anggota Dewan Undangan Negeri daripada BN mengahadirinya.

Dr Mahathir berkata mereka juga wajar mendapatkan pandangan serta kerjasama daripada tokoh-tokoh akademik dalam kajian mengenai masalah sosial itu.

Katanya melalui penglibatan tokoh akademik secara langsung itu, kajian dan analisis mengenai masalah itu akan menjadi lebih baik dan tindakan yang berkesan dapat diambil untuk menanganinya.

Beliau berkata tiada masyarakat di dunia yang tidak mempunyai masalah sosial tetapi hakikatnya ialah semua pihak perlu mengakuinya.

Perdana Menteri mahu pemimpin dan anggota BN menyedari bahawa masalah sosial bukanlah semata-mata disebabkan oleh pengaruh luar tetapi juga akibat kelemahan tertentu yang wujud di kalangan masyarakat, pihak berkuasa dan kerajaan.

"Untuk menangani masalah sosial, BN perlu berdebat, berbincang dan menghalusi masalah supaya ia dapat difahami dan apa punca atau sebab ia berlaku dapat diketahui," katanya.

Dr Mahathir yang memberi taklimat dan berdialog selama hampir tiga jam, juga mengingatkan para pemimpin BN supaya tidak mengambil kesempatan daripada masalah sosial yang wujud hanya untuk kepentingan politik sahaja.

Kepada pandangan bahawa kerajaan perlu menyeleraskan serta memberi penekanan kepada pendidikan agama Islam dan agama lain, beliau berkata setiap ajaran agama memanglah mengajar hanya yang baik-baik belaka.

Bagaimanapun, katanya masalah timbul apabila ada orang yang membuat tafsiran agama yang tidak tepat sehingga isu agama dipolitikkan dan pihak lain dipersalahkan dengan membuat dakwaan yang tidak benar mengenai kewujudan masalah sosial itu.

"Yang penting ialah penyelesaian umum mengikut nilai-nilai sejagat dan budaya masyarakat," katanya.

Dr Mahathir berkata pendidikan agama juga merupakan satu benteng

pertahanan diri yang kuat bagi menangkis pengaruh buruk dan lebih berkesan daripada penguatkuasaan undang-undang.

Bagaimanapun adalah tidak memadai sekiranya pendidikan agama yang diberikan hanya memberi penekanan kepada soal-soal ibadat dan hukum tetapi tidak memberi penekanan kepada perkara buruk baik serta masalah sosial yang ada di dalam kehidupan seharian, katanya.

Beliau berkata banyak orang yang bercakap mengenai haram bagi orang Islam minum arak kerana disebut dalam al-Quran tetapi apakah tidak salah sekiranya umat Islam terbabit dengan masalah dadah dan akhirnya menjadi pembawa kuman HIV dan AIDS.

"Banyak orang yang bercakap mengenai haram meminum arak sedangkan dadah adalah satu masalah yang amat besar khususnya kepada orang Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata pendidikan agama seharusnya juga mengajar mengenai perkara yang menyebabkan masalah sosial termasuk pergaulan seks bebas yang menyebabkan berlakunya bohsia, bohjan, buang anak dan hamil di luar nikah.

Katanya untuk menghadapi sesuatu masalah, seseorang itu banyak bergantung kepada ketahanan diri dan apa yang ada dalam dirinya. Penguatkuasaan undang-undang hanya membantu menahan seseorang daripada terlibat dengan sesuatu yang menyalahi undang-undang.

Dr Mahathir berkata kemajuan, kemunduran dan kewujudan sesuatu masalah yang terdapat dalam sesuatu masyarakat itu ditentukan oleh tamadun dan nilai-nilai yang dipegang oleh masyarakat yang berkenaan.

Adalah lebih baik masyarakat menentukan apakah pegangan nilai-nilai yang baik dan bagaimana hendak mendidik anak dan mengelakkan gejala sosial, dan tidak menuding jari menyalahkan mana-mana pihak, katanya.

"Semua pihak bersalah termasuk kerajaan juga kerana tidak mengambil tindakan dan membuat apa yang boleh dibuat untuk mengatasi masalah sosial," katanya.

Beliau juga bersetuju supaya masyarakat memberi perhatian dan pendirian tegas terhadap pentingnya disiplin di kalangan anak-anak.

Mengenai perbincangan masalah sosial yang kebelakangan ini mendapat perhatian semua pihak dan mendapat tempat sebagai berita utama dalam media massa, Dr Mahathir berkata perbincangan mengenai masalah sosial adalah sihat dan ia menunjukkan sudah ada kesedaran serta keinginan banyak pihak untuk memberi tumpuan serius dan mengatasi masalah itu.

Dr Mahathir menyifatkan perbincangan hebat mengenai masalah sosial di kalangan masyarakat menampakkan satu kejayaan tetapi semua pihak perlu barganding bahu dan bergerak seiring untuk mengatasinya.

Katanya cadangan-cadangan tentang bagaimana mengatasi masalah sosial khususnya daripada kerajaan-kerajaan negeri juga perlu diselaraskan dan dimajukan kepada kerajaan pusat supaya pertentangan pendapat dapat dielakkan dan sesuatu tindakan tidak dijadikan bahan sindiran kononnya kerajaan teragak-agak mengambil tindakan. -- BERNAMA

HS AFY NMO